

1. DEFINISI

- (a) “**BSN**” bermaksud Bank Simpanan Nasional yang mempunyai ibu pejabat di Wisma BSN, 117 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
- (b) “**Laman Sesawang *Happy Rewards* BSN**” bermaksud www.bsnhappyrewards.com.my.
- (c) “**Laman Sesawang Rasmi BSN**” bermaksud www.bsn.com.my.
- (d) “**Hari Bekerja**” bermaksud hari bekerja (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) di mana BSN dibuka untuk bekerja di Kuala Lumpur.
- (e) “**Kad**” bermaksud semua Kad Kredit/-i yang dikeluarkan oleh BSN.
- (f) “**Akaun Kad**” bermaksud akaun Ahli Kad yang disenggarakan di BSN menurut Perjanjian ini.
- (g) “**Ahli Kad**” bermaksud individu yang telah dikeluarkan Kad kepadanya oleh BSN.
- (h) “**FFP**” bermaksud *Frequent Flyer Programme* yang ditawarkan atau disediakan oleh Syarikat Penerbangan Yang Mengambil Bahagian di mana Ahli Kad boleh memohon daripada Syarikat Penerbangan Yang Mengambil Bahagian berkenaan.
- (i) “**FFP Miles**” bermaksud *Frequent Flyer Programme* yang ditawarkan dalam Program *Frequent Flyer* Syarikat Penerbangan Yang Mengambil Bahagian di mana Ahli Kad boleh menebus dengan *Happy Points* mereka.
- (j) “**Ganjaran Hadiah**” bermaksud ganjaran di bawah Program ini yang merangkumi barangan, bawcher, produk dan/atau keistimewaan lain yang terkandung di dalam Katalog Program *Happy Rewards* BSN dan/atau Laman Sesawang *Happy Rewards* BSN.
- (k) “**Happy Points**” bermaksud Mata Ganjaran yang diperolehi oleh Ahli Kad menerusi Program *Happy Rewards* BSN.
- (l) “**Program *Happy Rewards***” bermaksud program yang membenarkan Ahli Kad mengumpul *Happy Points* bagi perbelanjaan kad mereka dan *Happy Points* boleh ditebus dengan pelbagai pilihan produk dan ganjaran.
- (m) “**Syarikat Penerbangan Yang Mengambil Bahagian**” bermaksud syarikat penerbangan di mana Ahli Kad boleh menebus *FFP Miles* dengan *Happy Points* mereka.

2. KELAYAKAN & PENYERTAAN

- 2.1 Program *Happy Rewards* BSN (“Program”) adalah terbuka kepada semua Ahli Kad di mana Akaun Kad hendaklah sah, dalam kedudukan yang baik, tidak ditutup, dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh BSN bagi penyertaan Program ini.
- 2.2 Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan bagi Kad Kredit BSN-AIAFAM Visa Platinum dan Kad Kredit BSN Visa *Cash Back* tidak layak untuk menyertai Program ini.

3. HAPPY POINTS YANG DIPEROLEHI

- 3.1 *Happy Points* yang diperolehi oleh Ahli Kad melalui Transaksi Runcit Yang Layak hendaklah untuk tujuan penggunaan peribadi sahaja, iaitu penggunaan bukan perniagaan atau bukan komersil, yang dicaj ke Akaun Kad mereka selaras dengan peruntukan yang terkandung di sini. BSN berhak untuk tidak memberikan *Happy Points* bagi perbelanjaan runcit yang dianggap oleh BSN adalah pembelian untuk tujuan perniagaan dan komersil.
- 3.2 Transaksi Runcit Yang Layak adalah merujuk kepada pembelian yang dibuat di dalam negara dan di luar negara, termasuklah transaksi atas talian (*online*).
- 3.3 *Happy Points* tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana akaun lain/pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau dalam apa jua bentuk.
- 3.4 Transaksi-transaksi berikut tidak layak untuk mendapat *Happy Points*:-
- (a) Pendahuluan Tunai/Pengeluaran Tunai/Pulangan Tunai;
 - (b) Program Pindahan Baki BSN/ Pelan 0% *EasyPay* BSN/ Pelan *Instalment-Pay* BSN/ Pelan *EasyCash* BSN;
 - (c) Bayaran yuran tahunan, caj faedah/kewangan/yuran pengurusan, caj pembayaran lewat, yuran pendahuluan tunai, yuran pemprosesan dan bayaran lain, yuran dan/atau penalti yang dikenakan oleh BSN atau sebaliknya;
 - (d) Pembalikan/Bayaran Balik;

- (e) Pertikaian, Transaksi Runcit yang tidak dibenarkan dan/atau Penipuan Transaksi Runcit;
- (f) Pecahan dan/atau Transaksi tidak sah;
- (g) Cukai Perkhidmatan dan lain-lain cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang;
- (h) Premium/sumbangan untuk *Credit Shield* atau Perlindungan Kad Kredit atau mana-mana insurans/takaful kredit yang lain;
- (i) Pembayaran kadar, caj, denda kepada badan kerajaan, badan berkanun dan badan kehakiman;
- (j) Transaksi yang dilakukan di stesen minyak.
- (k) Tambah nilai prabayar, tambah nilai untuk e-dompet atau lain-lain kredit simpanan;
- (l) Pembayaran melalui *JomPAY* dan *Financial Process Exchange (FPX)* - **Berkuat kuasa 15 Ogos 2023.**

BSN berhak mengubah kategori transaksi tersebut di atas dengan memberikan Ahli Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari melalui Laman Sesawang Rasmi BSN atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh BSN.

3.5 *Happy Points* diberikan kepada Ahli Kad berdasarkan jumlah keseluruhan pembelian runcit di dalam Ringgit Malaysia ("RM") (di dalam dan/atau di luar Malaysia) yang dicaj kepada Kad Ahli Kad dan dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad:-

- (a) Setiap RM1.00 - satu (1) *Happy Points* (untuk transaksi runcit di dalam Malaysia, dibayar dalam Ringgit Malaysia (RM))
- (b) Setiap RM1.00 - dua (2) *Happy Points* (untuk transaksi runcit di luar Malaysia, dibayar dalam matawang asing)

Kadar pengumpulan satu (1) *Happy Points* atau dua (2) *Happy Points* untuk setiap RM1.00 adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa yang akan ditentukan oleh BSN. *Happy Points* yang diperolehi bagi pembelian runcit yang dilakukan di luar Malaysia akan dikira berdasarkan RM yang sama dengan jumlah yang dibelanjakan.

- 3.6 Jika Ahli Kad mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Utama, *Happy Points* yang terkumpul bagi setiap Kad boleh digabungkan untuk menebus Ganjaran Hadiah.
- 3.7 Sekiranya Kad gantian dikeluarkan, *Happy Points* yang terkumpul di dalam Kad lama akan dipindahkan secara automatik ke dalam Akaun Kad baharu. Mana-mana penebusan oleh Ahli Kad hanya akan diproses apabila Kad baharu dikeluarkan.
- 3.8 Jika Ahli Kad membatalkan mana-mana Akaun Kad Utama dengan BSN atas sebarang sebab, mana-mana *Happy Points* yang terkumpul di dalam Akaun Kad Utama termasuklah Akaun Kad Tambahan yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad Utama tersebut akan dilupuskan dan tidak layak untuk sebarang pindahan atau penebusan *Happy Points*.

4. TEMPOH TAMAT *HAPPY POINTS*

- 4.1 Mulai daripada 1 Jun 2016, *Happy Points* akan mempunyai tempoh tamat selama tiga (3) tahun. *Happy Points* yang diperoleh pada mana-mana tarikh di dalam mana-mana bulan sepanjang tempoh Program ini adalah sah sehingga tarikh akhir bulan tahun ketiga tersebut. Berikut adalah jadual bagi ilustrasi yang menggambarkan *Happy Points* terkumpul dan tarikh luput:

Tahun	<i>Happy Points</i> Terkumpul	<i>Happy Points</i> Tarikh Luput
Sebelum 31 Mei 2016	Sehingga 31 Mei	31 Mei 2019
Jun 2016	Daripada 1 hingga 30 Jun	Pada 30 Jun 2019
Disember 2017	Daripada 1 hingga 31 Disember	Pada 31 Disember 2020
Julai 2020	Daripada 1 hingga 31 Julai	Pada 31 Julai 2023

Jadual: Ilustrasi Happy Points terkumpul dan tarikh luput

- 4.2 Semua *Happy Points* mesti ditebus sebelum tarikh luput. Tempoh lanjutan tidak akan diberikan kepada mana-mana *Happy Points* yang telah luput.

- 4.3 Ahli Kad akan dimaklumkan mengenai jumlah *Happy Points* yang terkumpul di dalam penyata bulanan Kad. Baki *Happy Points* juga sedia didapati melalui saluran berikut:-
- (a) Log masuk ke Laman Sesawang *Happy Rewards* BSN di www.bsnhappyrewards.com.my
 - (b) Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300 88 1900 atau +603-2613 1900 (luar negara).
- 4.4 BSN berhak mengubah, dari semasa ke semasa, tarikh luput *Happy Points* dengan memberikan Ahli Kad notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari melalui Laman Sesawang Rasmi BSN atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh BSN.

5. **PENEBUSAN *HAPPY POINTS***

- 5.1 Akaun Ahli Kad hendaklah di dalam kedudukan yang baik (tiada hutang tertunggak terkini), tidak ditutup, dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh BSN atau Ahli Kad semasa permohonan penebusan dibuat.
- 5.2 *Happy Points* yang terkumpul di dalam Akaun Ahli Kad Utama dan Akaun Ahli Kad Tambahan hanya boleh ditebus oleh Ahli Kad Utama.
- 5.3 *Happy Points* hanya sah untuk penebusan selepas *Happy Points* dikreditkan dan dipaparkan di dalam Penyata Akaun Ahli Kad.
- 5.4 *Happy Points* yang terkumpul boleh digunakan untuk menebus mana-mana kombinasi pilihan berikut yang dinyatakan:-
- (a) Ganjaran Hadiah; atau
 - (b) Sijil Simpanan Premium BSN (SSP BSN); atau
 - (c) Cukai Perkhidmantan; atau
 - (d) *FFP Miles*.

- 5.5 Sekiranya Ahli Kad memilih mana-mana penebusan Ganjaran Hadiah yang disediakan, bahagian yang memerlukan jumlah perlu dibayar akan dicajkan ke dalam Akaun Ahli Kad.
- 5.6 Ahli Kad boleh menebus Ganjaran Hadiah melalui saluran berikut:-
- (a) Lengkapkan borang penebusan *Happy Rewards* BSN yang boleh didapati di mana-mana cawangan BSN atau Laman Sesawang Rasmi BSN dan
- (i) faks kepada 03- 2162 2659, atau
- (ii) emel kepada: cardservices@bsn.com.my, atau
- (iii) hantar melalui pos kepada:
- BANK SIMPANAN NASIONAL**
Unit Redemption, Jabatan Perniagaan Kad
Tingkat Bawah, Blok A
No 117, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
- 5.7 Borang penebusan *Happy Rewards* BSN yang lengkap hendaklah dihantar oleh Ahli Kad dan setelah diterima oleh BSN, borang penebusan tersebut TIDAK DIBENARKAN untuk ditarik balik, dibatalkan, dikembalikan atau ditukarkan. Kesemua *Happy Points* yang digunakan tidak akan dikreditkan kembali ke dalam akaun Ahli Kad.
- 5.8 BSN berhak untuk mengubah kadar pindahan *Happy Points* bagi mana-mana barang atau perkhidmatan di dalam Katalog, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Ahli Kad melalui Laman Sesawang Rasmi BSN atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh BSN. BSN berhak mengikut budi bicaranya dan sebagaimana yang dianggap perlu membenarkan penebusan *Happy Points* pada kadar pindahan yang sama jika penebusan itu dibuat sebelum notis tersebut dikeluarkan.

6. PENEBUSAN *HAPPY POINTS* DALAM TALIAN MELALUI LAMAN SESAWANG *HAPPY REWARDS* BSN

6.1 Ahli Kad boleh mendaftar di Laman Sesawang dengan mengikuti langkah berikut:

Langkah 1	Klik " <i>Register</i> ", pergi ke " <i>First Time Registration</i> " di laman utama kami (www.bsnhappyrewards.com.my).
Langkah 2	Daftar sebagai Ahli <i>Happy Rewards</i> dengan dokumen pengenalan nombor (Kad Pengenalan Baru/Lama/Pasport/ lain-lain) dan telefon bimbit yang berdaftar dengan Kad Kredit/-I anda
Langkah 3	Selepas pendaftaran, kata laluan sekali (OTP) akan dihantar ke telefon bimbit anda. Masukkan OTP dan cipta ID Pengguna, kata laluan dan emel anda.
Langkah 4	Sekiranya penciptaan berjaya, pengesahan emel akan dihantar ke alamat e-mel yang telah didaftarkan.
Langkah 5	Setelah menerima emel pengesahan, klik pautan yang disediakan untuk mengaktifkan akaun.
Langkah 6	Selepas pendaftaran berjaya, teruskan ke " <i>Login</i> " dengan ID Pengguna dan Kata Laluan anda untuk menikmati ganjaran hebat <i>Happy Rewards</i> .

6.2 Ahli Kad boleh mengikuti langkah-langkah dibawah untuk penebusan *Happy Points*:

Langkah 1	Pergi ke " <i>Redeem Rewards</i> " di halaman utama, anda boleh melihat semua ganjaran penebusan pada katalog dalam talian kami.
Langkah 2	Untuk menebus, log masuk dengan ID Pengguna dan Kata Laluan berdaftar anda.
Langkah 3	Pilih hadiah yang anda inginkan dan klik " <i>add to cart</i> ".
Langkah 4	Pilih kaedah penebusan dan sahkan alamat pengiriman anda.

Langkah 5	Setelah selesai, teruskan ke “ <i>check out</i> ”, sahkan butiran penebusan dan satu mesej akan dipaparkan untuk pengesahan pesanan penebusan.
-----------	--

7. GANJARAN HADIAH

- 7.1 BSN tidak memberi representasi atau jaminan berkenaan dengan apa-apa barangan atau perkhidmatan yang disediakan di dalam Katalog khususnya terhadap kualiti barangan atau perkhidmatan yang diterima. Apa-apa pertikaian berhubung dengan barangan dan/atau perkhidmatan di dalam Katalog tersebut hendaklah diselesaikan di antara Ahli Kad dengan pengeluar atau pembekal yang terlibat. BSN tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.
- 7.2 Ganjaran Hadiah tidak boleh ditukar dengan ganjaran lain atau boleh dipindah untuk wang tunai atau kredit di dalam apa jua keadaan.
- 7.3 Ganjaran Hadiah boleh didapati sementara stok masih ada. BSN berhak tanpa memberi sebarang notis atau dengan tidak memberikan apa-apa sebab kepada Ahli Kad, untuk menghentikan dan/atau menarik balik apa-apa Ganjaran Hadiah yang disenaraikan di dalam Katalog pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya. Sekiranya pilihan Ahli Kad terhadap Ganjaran Hadiah yang dinyatakan tidak tersedia atas alasan tiada stok buat sementara waktu atau telah dihentikan pengeluarannya, pengeluar atau pembekal berhak untuk menggantikan dengan Ganjaran Hadiah yang sama atau lebih nilainya.
- 7.4 BSN tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kematian, kecederaan, tuntutan, kerugian langsung atau berbangkit, kecurian, perbelanjaan atau gantirugi yang mungkin timbul ke atas Ahli Kad disebabkan oleh penebusan Ganjaran Hadiah secara nyata atau tidak nyata.
- 7.5 Tiada "TEMPOH PERCUBAAN" untuk semua Ganjaran Hadiah daripada Program ini. Oleh itu, Ahli Kad dikehendaki untuk memeriksa barangan sebaik sahaja menerima barangan yang ditebus.

8. PENGHANTARAN GANJARAN HADIAH

- 8.1 Penghantaran Ganjaran Hadiah akan dibuat ke alamat Ahli Kad yang diberikan oleh Ahli Kad di dalam pesanan penebusan *Happy Rewards* BSN.
- 8.2 Penghantaran Ganjaran Hadiah tidak akan dibuat ke alamat Peti P.O., alamat 'Zon Perdagangan Bebas', alamat yang tidak termasuk di dalam senarai oleh pembekal kurier atau alamat di luar Malaysia.
- 8.3 Ganjaran Hadiah akan dihantar di dalam tempoh dua (2) sehingga tiga (3) minggu (dengan mengambil kira apa-apa keadaan yang tidak dijangka) selepas penerimaan pesanan penebusan *Happy Rewards* BSN daripada Ahli Kad. Bukti penghantaran pesanan penebusan *Happy Rewards* BSN adalah bukan bukti penerimaan oleh BSN.
- 8.4 Baucar yang ditebus adalah sah digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan masing-masing. Sekiranya baucar yang ditebus tidak diguna dalam tempoh yang tertera padanya, BSN tidak akan melanjutkan tarikh sah laku atau memulangkan *Happy Points* bagi baucar yang telah luput.
- 8.5 Baucar yang ditebus hanya sah untuk digunakan dengan pedagang yang mengambil bahagian di bawah Program *Happy Rewards* BSN dan tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung di dalamnya.
- 8.6 BSN tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan, kecurian, keluputan tempoh atau baucar yang tidiak diguna sekiranya ianya telah diterima oleh Ahli Kad.
- 8.7 Baucar yang ditebus tidak boleh dipindah milik atau ditukar ke ganjaran lain atau dalam bentuk tunai atau kredit dalam apa jua keadaan.
- 8.8 Jika Ahli Kad tidak menerima Ganjaran Hadiah atau Baucar pada tarikh empat belas (14) hari berkerja dari tarikh pesanan penebusan, ia adalah tanggungjawab Ahli Kad untuk memaklumkan BSN mengenai pesanan penebusan yang tidak diterima. Kalau tiada sebarang pertanyaan diterima, Ahli Kad akan dianggap telah menerima Ganjaran Hadiah atau Baucar tersebut.

- 8.9 Penghantaran Ganjaran Hadiah adalah disifatkan telah diserahkan apabila suatu pengakuan penerimaan secara bertulis dan kepuasan keadaan fizikal Ganjaran Hadiah diterima oleh mana-mana penghuni atau penerima di alamat penghantaran dan sekiranya alamat tersebut adalah alamat pejabat, penerimaan oleh mana-mana penghuni atau penerima di pejabat. Pengakuan penerimaan tersebut adalah disifatkan sebagai penerimaan oleh Ahli Kad dan BSN tidak lagi bertanggungjawab selepas penerimaan tersebut.
- 8.10 Jika Ganjaran Hadiah dikembalikan kepada BSN kerana tiada akuan penerimaan oleh penerima atau alamat yang diberikan oleh Ahli Kad adalah tidak sah atau salah, BSN boleh (tetapi tidak diwajibkan) membuat penghantaran semula Ganjaran Hadiah tersebut di mana segala kos penghantaran semula hendaklah ditanggung oleh Ahli Kad.
- 8.11 Sekiranya Ganjaran Hadiah masih dikembalikan kepada BSN selepas percubaan penghantaran kali kedua, BSN tidak lagi dikehendaki untuk membuat penghantaran seterusnya. Lanjutan itu, adalah menjadi kewajipan Ahli Kad untuk menuntut Ganjaran Hadiah tersebut daripada BSN.
- 8.12 BSN mempunyai hak untuk mengenakan caj kurier ke atas Akaun Kad Ahli Kad bagi sebarang arahan penghantaran semula ke alamat yang lain daripada alamat penghantaran asal.
- 8.13 Kesemua Ganjaran Hadiah yang dibekalkan akan dilindungi oleh terma perniagaan pengeluar atau pembekal. Kecuali yang diperuntukan sebaliknya oleh undang-undang, BSN tidak akan bertanggungjawab ke atas kualiti atau kesesuaian barangan atau perkhidmatan atau sebarang kelewatan penghantaran.
- 8.14 Sebarang permintaan Ahli Kad untuk apa-apa perubahan, pembatalan atau pemulangan Ganjaran Hadiah tidak akan dilayan setelah diperakui terima oleh Ahli Kad melainkan jika Ganjaran Hadiah diterima dalam keadaan seperti di bawah dan dilaporkan dalam tempoh masa yang dibenarkan daripada tarikh penerimaan.
- (a) Kerosakan disebabkan oleh penghantaran (rosak/kemek):-

- (i) Sila hubungi Khidmat Pelanggan BSN dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh penerimaan Ganjaran Hadiah untuk melaporkan kerosakan tersebut, atau
 - (ii) Kembalikan barangan tersebut kepada Unit Redemption BSN, Jabatan Perniagaan Kad, Tingkat Bawah Blok A, No 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh penerimaan Ganjaran Hadiah. Sebarang tuntutan yang dibuat selepas tempoh tiga (3) hari bekerja tidak akan dilayan.
 - (iii) Khidmat Pelanggan Profesional akan mengaturkan peniaga/pembekal yang berkenaan untuk menghubungi pelanggan.
- (b) Kerosakan disebabkan oleh pengilangan:-
- (i) Terdapat kad jaminan yang disertakan, sila hubungi syarikat berkenaan secara terus.

8.15 BSN merizabkan hak untuk melantik mana-mana pihak yang berkaitan untuk penghantaran hadiah kepada Ahli Kad. BSN boleh memproses maklumat Ahli Kad untuk tujuan berkaitan dengan Program dan mendedahkan maklumat yang berkaitan kepada pihak ketiga untuk memudahkan penghantaran Ganjaran Hadiah.

9. TERMA DAN SYARAT BAGI PENEBUSAN DAN PINDAHAN *HAPPY POINTS* KEPADA FFP MILES DAN SSP BSN

9.1 *Frequent Flyer Programme (FFP) Miles*

- (a) Ahli Kad MESTI mempunyai akaun keahlian Frequent Flyer yang sah.
- (b) Hanya Ahli Kad yang telah berjaya mendaftar dengan Syarikat Penerbangan Yang Mengambil Bahagian/Syarikat Penerbangan FFP akan layak untuk menebus *Happy Points* kepada FFP Miles.
- (c) Ahli Kad yang ingin mendaftar boleh berbuat sedemikian dengan mengisi Borang Permohonan Keahlian, yang terdapat di pejabat-pejabat syarikat penerbangan berkenaan atau muat turun melalui laman sesawang korporat mereka.
- (d) Ahli Kad adalah tertakluk dan perlu mematuhi terma dan syarat Syarikat Penerbangan Yang Mengambil Bahagian FFP yang berkaitan yang ditadbir

oleh terma dan syarat, kaedah, peraturan, polisi dan prosedur syarikat penerbangan.

- (e) Penebusan dan/atau pindahan *Happy Points* kepada *FFP Miles* akan mengambil masa lebih kurang empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh penerimaan BSN untuk pesanan penebusan *Happy Rewards* BSN.
- (f) BSN tidak akan menyemak dan/atau menarik balik sebarang penebusan dan/atau pindahan *Happy Points* yang telah berjaya kepada *FFP Miles*.
- (g) Jika pemindahan *Happy Points* tidak berjaya/ditolak, BSN tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan pindahan secara manual.

9.2 ***Sijil Simpanan Premium BSN (BSN SSP)***

- (a) Ahli Kad MESTI mempunyai akaun simpanan BSN Giro/-i yang sah.
- (b) Ahli Kad MESTI membuka akaun BSN Giro/-i sekiranya Ahli Kad tidak mempunyai akaun.
- (c) Penebusan dan/atau pindahan *Happy Points* kepada SSP BSN akan mengambil masa lebih kurang empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh penerimaan BSN untuk pesanan penebusan *Happy Rewards* BSN.
- (d) BSN tidak akan menyemak dan/atau menarik balik sebarang penebusan dan/atau pindahan *Happy Points* yang telah berjaya kepada SSP BSN.
- (e) Jika pindahan *Happy Points* tidak berjaya/ditolak, BSN tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan pindahan secara manual.

10. TERMA DAN SYARAT AM

- 10.1 Dengan menyertai Program ini, Ahli Kad bersetuju:-
- (a) Untuk mematuhi segala Terma dan Syarat Program ini dan/atau mana-mana Terma dan Syarat yang berkaitan yang akan dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa.
 - (b) Untuk mengakses Laman Sesawang *Happy Rewards* BSN pada setiap masa bagi memastikan Ahli Kad sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan dibuat terhadap Terma dan Syarat.
 - (c) Keputusan BSN bagi perkara berkaitan dengan Program ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat kepada semua Ahli Kad. Sebarang surat menyurat dan/atau rayuan untuk pertikaian tidak akan dilayan.
- 10.2 Ahli Kad juga bersetuju dan membenarkan maklumat peribadi mereka termasuk dan tidak terhad kepada data dan maklumat peribadi dikumpul, diproses dan digunakan dan/atau dizahirkan oleh BSN kepada pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, peniaga atau pengeluar yang mengambil bahagian untuk tujuan Program ini. Semua pihak ketiga tersebut diwajibkan secara kontrak untuk tidak menggunakan data peribadi Ahli Kad kecuali dengan cara yang dinyatakan di sini.
- 10.3 Di bawah undang-undang Malaysia, hak Ahli Kad terhadap data peribadi adalah termasuk:
- (a) Hak untuk menarik balik persetujuan penggunaan data peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi BSN seperti butiran di bawah dengan memberikan nama dan emel Ahli Kad kepada BSN untuk pengeluaran data peribadi tersebut.
 - (b) Hak untuk mendapatkan salinan data peribadi yang disimpan oleh BSN; dan
 - (c) Hak untuk membetulkan data peribadi yang tidak tepat.
- 10.4 Ahli Kad boleh merujuk ke Laman Sesawang Rasmi BSN atau menghubungi talian bantuan BSN di 1-300-88-1900 untuk mendapatkan sebarang maklumat mengenai perlindungan data atau hak undang-undang mereka.

- 10.5 BSN akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan keselamatan data peribadi Ahli Kad dan memastikan pemproses pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, BSN akan menzahirkan data peribadi Ahli Kad sekiranya diperlukan oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
- 10.6 Apa-apa perkara berkaitan data peribadi dengan Program ini tertakluk dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang yang berkaitan di Malaysia.
- 10.7 BSN berhak untuk mengubah, memotong, membatalkan, menyemak atau meminda mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan di dalam Program ini secara menyeluruh atau sebahagian sahaja yang mana difikirkan sesuai oleh BSN mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui Laman Sesawang Rasmi BSN atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh BSN.
- 10.8 Apa-apa perubahan, pemotongan, pembatalan, penyemakan, penamatan atau penggantung Terma dan Syarat Program ini tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap BSN.
- 10.9 BSN berhak untuk menggantung atau menamatkan Program ini pada bila-bila masa yang difikirkan perlu mengikut budi bicara mutlak dengan memaklumkan kepada Ahli Kad melalui notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui Laman Sesawang Rasmi BSN atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh BSN.
- 10.10 Sekiranya BSN bercadang untuk menamatkan Program ini dengan apa jua alasan, Ahli Kad boleh menebus sebarang *Happy Points* yang terkumpul dalam tempoh dua puluh satu (21) hari daripada tarikh notis penamatan. Kesemua *Happy Points* yang terkumpul akan dibatalkan secara automatik setelah tamat tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar tersebut.

- 10.11 BSN tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan transaksi pengeposan dan/atau keakruan *Happy Points* semasa tempoh Program ini.
- 10.12 BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung serta tidak menerima sebarang bentuk liabiliti walau apapun sifatnya dan walau bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Ahli Kad di dalam Program ini atau sebaliknya. BSN juga tidak akan bertanggung terhadap sebarang keingkaran tanggungjawabnya di bawah Program ini disebabkan oleh apa-apa kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, rusuhan, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
- 10.13 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.